

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHRIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR  
[SETIU]**

**SOALAN NO. 454**

**TUAN SHAHRIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR [ SETIU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci berkenaan pelan perancangan Kementerian bagi menangani isu 'hospital tenat'.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa mengambil perhatian terhadap kemudahan di fasiliti kesihatan KKM. Bagi hospital yang mengalami masalah 'hospital tenat', pendekatan yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasinya adalah dengan menaik taraf fasiliti sedia ada bagi menampung pertambahan pesakit. Ini boleh dilaksanakan sekiranya hospital sedia ada mempunyai tapak yang sesuai untuk tujuan naik taraf. KKM turut akan membina hospital gantian baru dengan kapasiti yang lebih besar sekiranya kerja-kerja naik taraf tidak dapat dilaksanakan di hospital sedia ada disebabkan oleh faktor usia dan keutuhan bangunan tersebut.

Pembangunan hospital-hospital baru dan hospital gantian oleh KKM dijangka akan dapat mengatasi masalah kesesakan di wad-wad hospital Kerajaan. Projek pembangunan hospital baru dan gantian adalah seperti berikut:

- a) Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur;
- b) Hospital Cyberjaya, Selangor;
- c) Hospital Pendang, Kedah;
- d) Hospital Seri Iskandar, Perak;
- e) Hospital Kapar, Selangor;
- f) Hospital Tanjung Karang, Selangor;
- g) Hospital Rembau, Negeri Sembilan;
- h) Hospital Parit Buntar, Perak;
- i) Hospital Pasir Gudang, Johor;
- j) Hospital Bera, Pahang;
- k) Hospital Dungun, Terengganu;
- l) Hospital Kemaman, Terengganu;
- m) Hospital Bachok, Kelantan;
- n) Hospital Petrajaya, Sarawak;
- o) Hospital Sri Aman, Sarawak; dan
- p) Hospital Lawas, Sarawak.

Di samping itu, KKM juga telah giat melaksanakan pelbagai usaha dalam mengatasi masalah kesesakan di wad-wad hospital Kerajaan seperti berikut:

- a) Memperluaskan Perkhidmatan Rawatan Harian (PRH) di mana perkhidmatan klinikal dijadualkan dan disempurnakan dalam hari yang sama. Kajian menunjukkan prosedur pembedahan yang di jalankan secara rawatan harian telah mengurangkan jumlah kemasukan pesakit di wad-wad pembedahan sebagai pesakit dalam sebanyak 28.2%;
- b) Perlaksanaan Inisiatif Hospital Kluster yang merupakan kerjasama di antara hospital berpakar dengan hospital tanpa pakar bagi membolehkan pesakit luar bandar menerima rawatan kepakaran tanpa perlu dirujuk ke hospital berpakar dan menunggu lebih lama untuk dilihat oleh doktor pakar;
- c) Pelaksanaan inisiatif *Lean Healthcare* yang merupakan metodologi yang menerapkan idea nilai tambah dalam penjagaan kesihatan untuk meminimumkan pembaziran dalam setiap proses,

prosedur dan tugas melalui sistem penambahbaikan yang berterusan. Dengan menggunakan prinsip-prinsip *Lean*, semua anggota organisasi, terus berusaha untuk mengenal pasti pembaziran dan menghapuskan apa-apa yang tidak menambah nilai untuk pesakit;

- d) Mewujudkan *Bed Management Unit* (BMU) untuk merancang kemasukan pesakit elektif serta memastikan pesakit-pesakit yang memerlukan katil dapat diutamakan dengan cepat. Projek rintis BMU ini telah dijalankan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang dan Hospital Kuala Lumpur;
- e) Melaksanakan konsep ***ward-levelling*** di hospital-hospital KKM bagi memastikan wad-wad yang mempunyai kadar penggunaan katil (BOR) yang rendah dapat dioptimalkan; dan
- f) Pewujudan *Discharge Lounge* di hospital-hospital tertentu bagi menempatkan pesakit yang boleh didiscaj agar katil dapat dikosongkan dengan cepat untuk kegunaan pesakit yang seterusnya.

Sekian, terima kasih.